

## **Liabiliti Jenayah Terhadap Orang Mabuk Dalam Kes Kemalangan Jalan Raya Menurut Perspektif Fiqh dan Undang-Undang di Malaysia**

Mohd Syahmil bin Samsudin  
[syahmil@unishams.edu.my](mailto:syahmil@unishams.edu.my)

**ABSTRAK:**

*Artikel ini akan membincangkan sejauh mana seseorang pemandu mabuk akan disabitkan dan dihukum dengan kesalahan yang termaktub dalam undang. Dalam mengupas isu ini, penulis akan membuat perbandingan antara Undang-undang Jenayah Islam dengan undang-undang yang digunapakai di Malaysia pada masa kini dengan mengkhususkan kepada jenayah ‘menyebabkan kematian secara salah’ dan ‘mendatangkan kecederaan’. Jika wujud persamaan, antara Undang-undang Jenayah Islam dan undang-undang jenayah di Malaysia dalam hal ini, maka terbuktilah bahawa Malaysia sedang berada di atas landasan yang tepat dalam memartabatkan Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan bahawa Islam adalah agama persekutuan. Namun, jika terdapat percanggahan antara keduanya, mudah-mudahan artikel ini dapat menyumbang kepada kefahaman yang lebih jitu dalam menambahbaik undang-undang yang sedia ada dalam negara ini khususnya undang-undang jenayah.*

**KATA KUNCI:** *Liabiliti Jenayah, Orang mabuk, Kematian, Kecederaan, Undang-undang Jenayah Islam, Undang-Undang Jenayah Malaysia, Diyat.*

## Pendahuluan

Isu pemandu mabuk yang melanggar pengguna jalan raya lain dan merosakkan harta awam dan individu bukan lagi isu yang asing dalam negara kita. Dalam sela masa tertentu, kita akan digemparkan dengan kecederaan bahkan kematian mangsa yang dilanggar oleh manusia yang sudah hilang akal tersebut. Untuk rekod, sebanyak 191 kes kematian berpunca daripada pemanduan mabuk direkodkan Polis Diraja Malaysia (PDRM) pada 2018<sup>1</sup>. Sebagai sebuah negara yang menjadikan Islam sebagai Agama Persekutuan<sup>2</sup>, tidak dapat tidak perkara ini perlu diberi perhatian yang sewajarnya oleh semua pihak merangkumi pihak pemerintah, ahli-ahli akademik, Badan-badan Bukan Kerajaan, korporat dan masyarakat keseluruhannya. Untuk itu, artikel ini akan membincangkan serba sedikit tentang pandangan Islam dalam kes pemandu mabuk yang menyebabkan kematian, kecederaan dan kerosakan harta benda termasuk kupasan ringkas dari sudut undang-undang yang sedang berkuatkuasa di Malaysia dan penambahbaikan yang boleh dilakukan.

## Sorotan Kes Kemalangan Jalan Raya di Malaysia Akibat Pemandu Mabuk

Dalam artikel ini, penulis sempat mengutip beberapa contoh kes kemalangan jalan raya di Malaysia yang berpunca daripada pemandu mabuk:

**Kes 1:** Pada 25 Januari 2020 di Jalan Ayer Itam, berhampiran simpang Jalan Padang Tembak Georgetown Pulau Pinang kira-kira jam 4.10 pagi, sebuah kereta yang dipadu seorang lelaki berusia 24 tahun telah hilang kawalan dan melanggar sebuah kereta dan sebuah motosikal sehingga menyebabkan dua individu mengalami kecederaan dan salah seorang daripada mereka cedera parah<sup>3</sup>.

**Kes 2:** Pada 7 Mac 2019, seorang wanita dijatuhkan hukuman 17 tahun penjara dan denda sebanyak RM 39000 atas kesalahan memandu dalam keadaan mabuk sehingga menyebabkan kematian empat lelaki di di Jalan Chong Thien Vun, Tawau Sabah<sup>4</sup>.

**Kes 3:** Pada 26 Januari 2020, seorang pemandu lelaki dipercayai di bawah pengaruh alkohol merempuh sebelas kenderaan lain di kawasan parkir di Flat Taman Kota Pendamar 2, Klang Selangor<sup>5</sup>.

<sup>1</sup> <https://www.bharian.com.my/>. Dilihat pada 18/02/2020.

<sup>2</sup> Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan.

<sup>3</sup> <https://www.bharian.com.my/>. Dilihat pada 2/02/2020.

<sup>4</sup> <https://www.bharian.com.my/>. Dilihat pada 2/02/2020.

<sup>5</sup> <https://www.bharian.com.my/>. Dilihat pada 2/02/2020.

**Kes 4 :** Pada 18 Januari 2020, di jalan utama Bercham, Ipoh Perak, sebuah gerai burger yang baru beroperasi tidak sampai sebulan telah dirempuh oleh pemandu mabuk sehingga menyebabkan gerai tersebut remuk<sup>1</sup>.

**Kes 5 :** Pada 11 Februari 2020, dua sahabat maut selepas motosikal ditunggangi mereka dirempuh pemandu mabuk, di Kilometer 13 Lebuhraya Lingkaran Luar Butterworth (BORR) arah Sungai Dua Pulau Pinang<sup>2</sup>.

**Kes 6 :** Pada 16 Februari 2020, Seorang pemandu kereta maut manakala tiga penunggang dan seorang pembonceng motosikal cedera selepas mereka dirempuh sebuah kereta dipandu seorang lelaki dipercayai di bawah pengaruh alkohol, secara melawan arus di Kilometer 17.5 Lebuhraya Lekas, Nilai Negeri Sembilan<sup>3</sup>.

**Kes 7 :** Pada 18 Februari 2020, sebuah seorang pemandu mabuk telah melanggar sebuah van persiaran di Persiaran Sultan Abdul Hamid Alor Star Kedah, yang mengakibatkan empat individu termasuk seorang kanak-kanak cedera<sup>4</sup>.

### **Kesalahan Menyebabkan Kematian dalam Islam**

Menyebabkan kematian diklasifikasikan sebagai kesalahan *Qisas* menurut Undang-undang Jenayah Islam. Ia boleh dibahagikan kepada tiga keadaan iaitu pembunuhan secara sengaja, pembunuhan yang menyerupai sengaja dan pembunuhan secara tersilap.

#### **a) Pembunuhan Secara Sengaja**

Pembunuhan sengaja ialah pembunuhan yang dilakukan oleh seseorang dengan sengaja dan berniat mematikan seseorang yang tidak halal dibunuh dengan menggunakan alat, bahan atau cara yang kebiasaannya boleh membunuh<sup>5</sup>. Pada dasarnya, hukuman bagi kesalahan membunuh dengan sengaja adalah *qisas* dan jika penjenayah mendapat pengampunan dari ahli waris keluarga mangsa yang terbunuh atau waris mangsa menuntut *diyat* sebagai ganti *qisas* maka wajib terhadap pembunuh membayar *diyat* yang dikenakan terhadapnya<sup>6</sup>. Kadar *diyat* bagi kesalahan ini dikategorikan di

<sup>1</sup> <https://www.mstar.com.my>. Dilihat pada 2/02/2020.

<sup>2</sup> <https://www.bharian.com.my/>. Dilihat pada 17/02/2020.

<sup>3</sup> <https://www.bharian.com.my/>, dilihat pada 17/02/2020.

<sup>4</sup> <https://www.bharian.com.my/>, dilihat pada 19/02/2020.

<sup>5</sup> Muhammad Hilmi Musa (2015), *Penggunaan Emas dan Perak dalam Menentukan Nilai Pampasan Diyat: Suatu Analisis ke Atas Nilai Pertukaran Mata Wang Semasa*, 19 JUUM, h. 19, di <http://ejournal.ukm.my/>.

<sup>6</sup> *Ibid*.

bawah *diyat mughallazah*. Pembayaran perlu dilakukan segera dari harta milik penjenayah<sup>1</sup>.

Pembunuhan sengaja ini berlaku apabila memenuhi syarat-syarat berikut:

1. Tertuduh seorang mukallaf iaitu dewasa dan waras.
2. Orang yang dibunuh tidak halal darahnya.
3. Alat, bahan atau cara yang digunakan kebiasaannya boleh membunuh.
4. Pembunuhan dilakukan dengan niat membunuh.
5. Kematian mangsa adalah akibat dari tindakan tertuduh<sup>2</sup>.

Allah berfirman:

(وَمَنْ يَقْتُلْ مُؤْمِنًا مُتَعَمِدًا فَجَزَاؤُهُ جَهَنَّمُ خَالِدًا فِيهَا وَغَضِبَ اللَّهُ عَلَيْهِ وَلَعَنَهُ وَأَعَدَّ لَهُ عَذَابًا عَظِيمًا)<sup>3</sup>

Dalam ayat yang lain Allah berfirman:

(يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الْقِصَاصُ فِي الْقَتْلِ ۚ الْحُرُّ بِالْحُرِّ وَالْعَبْدُ بِالْعَبْدِ وَالْأُنثَىٰ بِالْأُنثَىٰ ۚ فَمَنْ عُفِيَ لَهُ مِنْ أَخِيهِ شَيْءٌ فَاتَّبِعْ بِالْمَعْرُوفِ ۚ وَأَدَاءٌ إِلَيْهِ بِإِحْسَانٍ ۗ ذَلِكَ تَخْفِيفٌ مِّن رَّبِّكُمْ وَرَحْمَةٌ ۚ فَمَنْ اعْتَدَىٰ بَعْدَ ذَلِكَ فَلَهُ عَذَابٌ أَلِيمٌ) 4.

#### b) Pembunuhan yang Menyerupai Sengaja

Pembunuhan yang menyerupai sengaja di sisi imam Abu Hanifah merujuk kepada kematian yang bukan disebabkan oleh serangan dengan senjata atau apa-apa yang dihukumkan sebagai senjata<sup>5</sup>. Di sisi mazhab Syafie dan Hanbali, pembunuhan menyerupai sengaja adalah pembunuhan yang menggunakan objek yang pada kebiasaannya tidak mematikan<sup>6</sup>. Dari sudut hukuman, pesalah tidak akan dikenakan hukuman mati jika melakukan kesalahan pembunuhan yang menyerupai sengaja tetapi dikenakan *diyat mughallazah*<sup>7</sup>.

Terdapat beberapa syarat yang perlu dipenuhi sebelum seseorang tertuduh dapat disabitkan dengan kesalahan Pembunuhan yang Menyerupai Sengaja iaitu:

- i. Perbuatan tertuduh telah menyebabkan kematian mangsa;

<sup>1</sup> *Ibid*.

<sup>2</sup> *Ibid*.

<sup>3</sup> *Al-Nisa*: 93, di <https://quran.com/>.

<sup>4</sup> *Al-Baqarah*: 178, di <https://quran.com/>.

<sup>5</sup> Wahbah al-Zuhayli, *Al-Fiqh al-Islami Wa Adillatuh*, Juzuk 1, h.721, di <https://al-maktaba.org>.

<sup>6</sup> *Ibid*.

<sup>7</sup> *Ibid*.

- ii. Tertuduh dengan sengaja telah melakukan suatu perbuatan yang membawa kepada kematian mangsa; dan
- iii. Wujud perkaitan antara perbuatan tertuduh dan kematian mangsa<sup>1</sup>.

Rasulullah bersabda:

"أَلَا إِنَّ دِيَةَ الْخَطَا شِبْهَ الْعَمْدِ مَا كَانَ بِالسَّوْطِ وَالْعَصَا مِائَةً مِنَ الْإِبِلِ مِنْهَا أَرْبَعُونَ فِي بَطُونِهَا  
أَوْلَادُهَا" 2

Hadis di atas bermaksud dalam kes pembunuhan yang menyerupai sengaja menggunakan cemeti atau tongkat maka hukumannya 100 ekor unta, 40 ekor daripadanya unta bunting. Hadis ini dinilai sahih oleh Ibn al-Qattan dan dinilai hasan oleh Al-Albani.

#### c) Pembunuhan Secara Tersilap atau Tidak Sengaja

Pembunuhan tidak sengaja adalah perbuatan yang menyebabkan kematian tetapi tidak dilakukan dengan niat membunuh<sup>3</sup>. Pesalah tidak dikenakan *qisas* tetapi perlu membayar *diyat mukhaffafah*.

Allah berfirman:

( وَمَا كَانَ لِلْمُؤْمِنِ أَنْ يَقْتُلَ مُؤْمِنًا إِلَّا خَطَأً ۚ وَمَنْ قَتَلَ مُؤْمِنًا خَطَأً فَتَحْرِيرُ رَقَبَةٍ مُؤْمِنَةٍ وَدِيَةٌ  
مُسَلَّمَةٌ إِلَىٰ أَهْلِهِ إِلَّا أَنْ يَصَدَّقُوا ) 4

#### Kesalahan Mendatangkan Kecederaan dalam Islam.

Jenayah terhadap tubuh badan ialah perlakuan melampau terhadap jasad seseorang manusia meliputi memotong, melukakan, memukul atau menghilangkan manfaat anggota tanpa mematikan<sup>5</sup>.

Allah berfirman:

( وَكَتَبْنَا عَلَيْهِمْ فِيهَا أَنَّ النَّفْسَ بِالنَّفْسِ وَالْعَيْنَ بِالْعَيْنِ وَالْأَنْفَ بِالْأَنْفِ وَالْأُذُنَ بِالْأُذُنِ وَالسِّنَّ بِالسِّنِّ وَالْيَدَ  
بِالْيَدِ وَالرُّجُلَ بِالرُّجُلِ ۚ فَمَنْ تصَدَّقَ بِهِ فَهُوَ كَفَّارَةٌ لَّهُ ۚ وَمَنْ لَّمْ يَحْكَمْ بِمَا أَنزَلَ اللَّهُ فَأُولَئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ ) 6

<sup>1</sup> Abd al-Qadir 'Audah, *Al-Tashri' al-Jina'i al-Islami*, Juzuk 2, h.94, di <https://al-maktaba.org/>

<sup>2</sup> Jamal al-Din Abu Muhammad Abd Allah bin Yusuf al-Zaila'i, *Nasb al-Rayah*, Juzuk 4, h. 356, di <https://waqfeya.com>, <https://ia801200.us.archive.org>.

<sup>3</sup> Hilmi Musa *op.cit.*, h.20.

<sup>4</sup> *Al-Nisa'*: 92, di <https://quran.com/>.

<sup>5</sup> Hilmi Musa *op.cit.*, h.20.

<sup>6</sup> *Al-Maidah*: 45, di <https://quran.com/>.

Hukuman bagi kes mendatangkan kecederaan hanyalah *diyat* yang akan diperincikan dalam sub-topik *diyat* di bawah.

Jumhur ulama telah bersepakat bahawa seseorang yang menggunakan kenderaan sebagai pengangkutannya sama ada kereta, motosikal, haiwan tunggangan, kapal dan sebagainya yang boleh menyebabkan kemudaratan ke atas tubuh badan orang lain atau hartanya, maka pelaku itu boleh didakwa membunuh, mencederakan atau serang sentuh yang boleh dihukum *qisas*<sup>1</sup>. Namun, terdapat sebahagian *fuqaha* di kalangan Mazhab Hanafi yang mengkategorikan kes-kes kematian tersebut sebagai *shibh al- 'amd* (pembunuhan seumpama sengaja) dan oleh itu, boleh dihukum dengan *diyat mughallazah* dan *ta'zir*<sup>2</sup>.

### **Kes Kemalangan Jalan Raya Melibatkan Pemandu Mabuk Menurut Undang-Undang Malaysia.**

Kes kemalangan jalan raya di Malaysia akan disiasat di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987. Jika berlaku kematian atau kecederaan akibat pemandu mabuk, kes tersebut akan disiasat di bawah seksyen 44 (1) yang memperuntukkan:

44. (1) Mana-mana orang yang, semasa memandu sesuatu kenderaan motor di jalan atau tempat awam lain—

(a) berada di bawah pengaruh minuman yang memabukkan atau dadah, setakat yang menyebabkan tidak berdaya mengawal kenderaan itu dengan sepatutnya; atau

(b) mempunyai sebegitu banyak alkohol dalam badannya sehingga kadar alkohol di dalam nafas, darah atau air kencingnya melebihi had yang ditetapkan,

dan menyebabkan kematian atau kecederaan kepada mana-mana orang melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, \*hendaklah dihukum penjara selama tempoh tidak kurang daripada tiga tahun dan tidak lebih daripada sepuluh tahun dan didenda tidak kurang daripada lapan ribu ringgit dan tidak lebih daripada dua puluh ribu ringgit<sup>3</sup>.

---

<sup>1</sup> Nuarrual Hilal Md. Dahlan, Harlida Abdul Wahab (2019), *Konsep Liabiliti dan Pemberian Pampasan Ganti Rugi dalam Kes Kemalangan Jalan Raya Menurut Perundangan Islam*, h.54, di <https://www.researchgate.net/>.

<sup>2</sup> *Ibid*.

<sup>3</sup> <http://www.mot.gov.my/>.

### **Pembelaan Mabuk dalam Islam**

Telah jelas bahawa undang-undang Islam dan undang-undang Malaysia tidak akan membiarkan pemabuk yang melanggar pengguna jalan raya lain untuk lepas bebas. Namun semasa proses perbicaraan, pihak tertuduh diberi hak untuk membela diri. Persoalannya, boleh kah seseorang tertuduh menggunakan hujah bahawa dia melakukan kesalahan tersebut dalam keadaan mabuk dan tidak boleh dipersalahkan kerana akalnya tidak sempurna?

Dalam Islam, mabuk boleh didefinisikan sebagai kehilangan akal oleh sebab meminum khamar atau yang menyerupainya<sup>1</sup>.

Persoalan yang timbul ialah samada tertuduh yang melakukan kesalahan dalam keadaan mabuk boleh menggunakan hujah tersebut sebagai suatu pembelaan yang dapat melepaskannya daripada tuduhan yang dikenakan. Dalam Islam, individu yang melakukan kesalahan dalam keadaan mabuk yang mana dia dipaksa untuk meminum sesuatu yang memabukkan, maka tiadalah liabiliti jenayah terhadapnya dan tidak akan dihukum<sup>2</sup>. Begitu juga dengan individu yang meminum sesuatu yang tidak diketahui bahawa ia adalah memabukkan<sup>3</sup>. Demikian juga bagi individu yang mabuk oleh sebab mengambil ubat-ubatan<sup>4</sup>. Dalam situasi-situasi di atas, keadaan mereka adalah sama dengan orang yang gila atau tidur<sup>5</sup>. Namun jika tertuduh melakukan kesalahan dalam keadaan mabuk yang disengajakan tanpa ada sebarang keuzuran atau mengambil ubatan yang memabukkan tanpa ada keperluan, menurut pandangan yang terkuat dalam empat mazhab, maka kesalahan boleh disabitkan keatasnya samada ia dilakukan dalam keadaan sengaja atau tersilap<sup>6</sup>.

### **Pembelaan Mabuk Menurut Undang-Undang Jenayah (Syariah) di Malaysia**

Undang-undang Syariah di Malaysia memperuntukkan mabuk sebagai suatu pembelaan kepada pihak tertuduh yang melakukan jenayah Syariah dalam keadaan mabuk.

Seksyen 12 Enakmen Kesalahan Syariah (Negeri Melaka) 1991<sup>7</sup> memperuntukkan bahawa:

<sup>1</sup> Abd al-Qadir 'Audah, Juzuk 1, h. 582, di <https://al-maktaba.org/>.

<sup>2</sup> *Ibid.*, h. 583.

<sup>3</sup> *Ibid.*

<sup>4</sup> *Ibid.*

<sup>5</sup> *Ibid.*

<sup>6</sup> *Ibid.*

<sup>7</sup> <http://www.mahsyariahmelaka.gov.my/>



(1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen ini dan dalam seksyen 13, mabuk tidaklah boleh menjadi suatu pembelaan terhadap sesuatu pertuduhan jenayah.

(2) Mabuk boleh menjadi suatu pembelaan terhadap sesuatu pertuduhan jenayah jika oleh sebab mabuk, orang yang dipertuduhkan itu, pada waktu perbuatan atau ketinggalan yang diadukan itu, tidak tahu bahawa perbuatan atau ketinggalan itu salah ataupun tidak tahu apa yang ia lakukan dan keadaan mabuk itu telah disebabkan **dengan tiada kerelaannya** oleh perbuatan jahat atau cuai seseorang lain.

Seksyen 13 memperuntukkan:

(1) Jika pembelaan di bawah subseksyen (2) seksyen 12 telah dipastikan, orang yang dituduh itu hendaklah dibebaskan.

(2) Bagi maksud seksyen ini dan seksyen yang terdahulu daripadanya itu "mabuk" hendaklah disifatkan termasuk suatu keadaan yang disebabkan oleh arak, narkotik atau dadah<sup>1</sup>.

Peruntukan undang-undang di atas jelas memperuntukkan bahawa mabuk boleh digunakan sebagai suatu bentuk pembelaan dengan syarat keadaan mabuk tersebut berlaku bukan dengan kerelaan tertuduh.

Walaubagaimanapun, harus diingat bahawa pembelaan di atas hanyalah untuk kes-kes yang dibicarakan di mahkamah Syariah sahaja manakala kesalahan yang berkaitan dengan kemalangan jalan raya di Malaysia tidak dibicarakan di Mahkamah Syariah kerana ia tidak mempunyai bidangkuasa untuk membicarakan kes tersebut.

### **Pembelaan Mabuk Menurut Undang-Undang Jenayah (Sivil) di Malaysia**

Seksyen 85 Kanun Keseksaan memperuntukkan

(i) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen ini dan dalam seksyen 86, mabuk tidaklah boleh menjadi suatu pembelaan terhadap sesuatu perbuatan jenayah.

(ii) Mabuk boleh menjadi suatu pembelaan terhadap suatu pertuduhan jenayah jika oleh sebab mabuk, orang yang dipertuduhkan itu, pada waktu perbuatan atau ketinggalan yang diadukan itu, tidak tahu bahawa perbuatan atau ketinggalan itu salah ataupun tidak tahu apa yang dilakukan dan:

(a) keadaan mabuk itu telah disebabkan dengan tiada kerelaannya oleh perbuatan jahat atau cuai seseorang yang lain; atau

---

<sup>1</sup> <http://www.mahsyariahmelaka.gov.my/>

- (b) orang yang dipertuduhkan itu, oleh sebab mabuk, menjadi gila, sama ada bagi sementara atau lainnya pada waktu perbuatan atau ketinggalan itu<sup>1</sup>.

Berdasarkan peruntukkan undang- di atas , seseorang tertuduh yang hendak menggunakan pembelaan mabuk perlu lah membuktikan bahawa dia mabuk tanpa kerelaannya. Dalam hal ini, wujud persamaan antara undang-undang jenayah Islam dan undang-undang jenayah sivil. Berbalik kepada isu pemandu mabuk yang melanggar pengguna jalan raya yang lain, jika tertuduh ingin menggunakan pembelaan mabuk, dia perlu membuktikan bahawa mabuk tersebut berlaku bukan atas kerelaannya. Tetapi jika sebaliknya, dia perlu memberi alasan yang lain demi menyelamatkan diri daripada hukuman dunia yang sementara ini sebelum berhadapan dengan Hakim yang seadil-adilnya di akhirat nanti. Dalam kes *Pendakwa Raya Iwn Awang Raduan bin Awang Bol [1998] 5 MLJ 460*<sup>2</sup>, hakim menyatakan bahawa pembelaan mabuk tidak terpakai dalam kes tersebut kerana tidak memenuhi syarat yang ditetapkan dalam seksyen 85 (ii) Kanun Keseksaan.

#### **Hukuman *Diyat* dalam Kes Kemalangan Jalan Raya**

Telah jelas bahawa tertuduh yang menyebabkan kematian atau kecederaan dalam kes kemalangan jalan raya akibat mabuk dengan sengaja tidak layak menggunakan pembelaan mabuk samada di sisi undang-undang Islam ataupun undang-undang sivil. Namun mereka juga tidak boleh dikenakan hukuman mati kerana ia bukan pembunuhan sengaja. Dua aspek ini merupakan titik pertemuan antara undang-undang Islam dan undang-undang sivil di Malaysia. Dari sudut perbezaannya pula, undang-undang Islam menjadikan *diyat* sebagai hukuman manakala penjara dan denda menjadi hukuman di sisi undang-undang sivil.

Ini menunjukkan bahawa hukuman yang sedia ada dalam konteks undang-undang jenayah masih tidak menepati undang-undang Islam dan sekaligus tidak sejajar dengan roh Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan.

Namun percanggahan tersebut sedikit sebanyak dapat ditampung oleh undang-undang lain yang memberi hak terhadap mangsa untuk menuntut gantirugi akibat kemalangan tersebut melalui tuntutan sivil. Ini termasuk dalam undang-undang *tort*. Dalam kes *Mohamed Mat Amin*

<sup>1</sup> Mohamad Shariff bin Hj. Abu Samah, Asidah binti Hj. Mohd Ali (2011), *Alman Undang-Undang Jenayah di Malaysia*, Petaling Jaya, International Law Book Services, hh. 172-173.

<sup>2</sup> Mohamad Shariff bin Hj. Abu Samah, Asidah binti Hj. Mohd Ali op.cit., h. 179.

& *ORS v Mohd Rabu Ihsan* [2002]5 CLJ, Hakim telah menetapkan pampasan gantirugi sebanyak RM72,000<sup>1</sup>. Dalam kes *Azman Kasri & Anor v Md. Isa Endut & Government of Malaysia* [1988] 1 CLJ, Hakim memutuskan kadar pampasan bagi kehilangan sumber pendapatan pada masa hadapan bagi Plaintiff ialah sebanyak RM39,740<sup>2</sup>.

Berdasarkan kes-kes di atas, ia menunjukkan bahawa pada dasarnya konsep *diyāt* telah wujud dalam sistem perundangan di Malaysia. Persoalannya sejauh mana ia dapat dilaksanakan secara lebih menyeluruh dan menepati kehendak Allah? Untuk itu elok kiranya kita dapat memahami secara asas tentang konsep *diyāt* dan aplikasinya.

(a) *Diyāt Mughallazah*

*Diyāt Mughallazah* ialah *diyāt* yang terdiri daripada gabungan beberapa jenis unta iaitu:

- i. 30 ekor unta berusia 3 tahun;
- ii. 30 ekor unta berusia 4 tahun; dan
- iii. 40 ekor unta berusia 5 tahun yang bunting<sup>3</sup>.

*Diyāt Munghallazah* dikenakan terhadap pesalah yang melakukan pembunuhan sengaja atau menyerupai sengaja. Untuk pembunuhan sengaja, *diyāt* tersebut mesti dibayar dengan segera menggunakan harta pesalah sepenuhnya manakala untuk pembunuhan menyerupai sengaja, boleh dibayar menggunakan harta Aqilah secara ansuran<sup>4</sup>.

(b) *Diyāt mukhaffafah*

*Diyāt mukhaffafah* pula ialah pampasan ringan terhadap kesalahan seperti pembunuhan tidak sengaja atau tersalah. *Diyāt* ini boleh dibayar secara ansuran dan Aqilah boleh menanggungnya bersama. Kadar 100 ekor unta dikenakan sama seperti *diyāt mughallazah* tetapi berbeza dari jenisnya. Perincian kadar *diyāt* ini ialah seperti berikut:

- i. 20 ekor unta bintu makhad berusia 3 tahun;
- ii. 20 ekor unta bintu labun berusia 3 tahun;
- iii. 20 ekor unta ibnu labun;

---

<sup>1</sup> Siti Aisyah Samudin, Siti Zubaidah Ismail (2018), *Tuntutan Pampasan Bagi Kes Kemalangan Jalan Raya di Malaysia: Kaedah Alternatif Berasaskan Diyāt*, Journal of Shariah Law Research, vol. 3 (1) h.101, di <https://umexpert.um.edu.my/>.

<sup>2</sup> *Ibid*.

<sup>3</sup> Hilmi Musa, *op.cit.*, h. 18.

<sup>4</sup> Hilmi Musa, *op.cit.*h.18

- iv. 20 ekor hiqqah berusia 3 tahun; dan
- v. 20 ekor jadh'ah berusia 4 tahun<sup>1</sup>.

Selain *diyāt mughallazah* dan *mukhaffafah*, ada beberapa istilah lain yang digunakan bagi merujuk kepada pampasan berbentuk harta:

- 1) *Arsy* bermaksud *diyāt* yang dibayar dalam kes kecederaan melibatkan kerosakan sebahagian anggota dari bilangan yang sempurna seperti kecederaan sebelah tangan, sebelah kaki dan lain-lain lagi. *Arsy* terbahagi kepada dua iaitu:
  - a. *arsy muqaddar*: kadar yang ditetapkan oleh syarak; dan
  - b. *arsy ghair muqaddar*; penentuan kadar diserahkan budi bicaranya kepada hakim. Ia disebut juga sebagai hukumah.
- 2) *Hukumah* pula bermaksud bayaran yang dikenakan dalam kes kecederaan ringan. Hukuman ini tidak menetapkan sebarang kadar pampasan yang perlu dibayar tetapi menjadi tanggungjawab hakim untuk menetapkan kadarnya bersesuaian dengan kesalahan yang dilakukan. Kadar hukumah perlu kurang nilainya dari kadar *diyāt* dan *arsy*; dan
- 3) *Ghurrah* pula dikenakan bagi tujuan bayaran dalam kes-kes yang melibatkan kematian anak dalam kandungan<sup>2</sup>.

Berkaitan dengan kecederaan, *diyāt*nya adalah berdasarkan hadith:

"" كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُقَوِّمُ دِيَّةَ الْخَطَا عَلَى أَهْلِ الْقُرَى أَرْبَعِمِائَةَ دِينَارٍ أَوْ عَدْلَهَا مِنَ الْوَرَقِ يُقَوِّمُهَا عَلَى أَثْمَانِ الْإِبِلِ فَإِذَا غَلَّتْ رَفَعَ فِي قِيَمَتِهَا وَإِذَا هَاجَتْ رُحْصًا نَقَصَ مِنْ قِيَمَتِهَا وَبَلَغَتْ عَلَى عَهْدِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَا بَيْنَ أَرْبَعِمِائَةِ دِينَارٍ إِلَى ثَمَانِمِائَةِ دِينَارٍ أَوْ عَدْلَهَا مِنَ الْوَرَقِ ثَمَانِيَةَ آلَافِ دُرْهَمٍ وَقَضَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَى أَهْلِ الْبَقَرِ مِائَتَيْ بَقَرَةٍ وَمَنْ كَانَ دِيَّةُ

<sup>1</sup> *Ibid.*

<sup>2</sup> Hilmi Musa *op cit.* hh. 18-19

عَقْلِهِ فِي الشَّاءِ فَأَلْفَى شَاةٍ قَالَ وَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ " إِنَّ الْعَقْلَ مِيرَاثٌ بَيْنَ وَرَثَةٍ الْقَتِيلِ عَلَى قَرَابَتِهِمْ فَمَا فَضَلَ فَلِلْعَصَبَةِ "

وَقَضَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي الْأَنْفِ إِذَا جُدِعَ الدِّيَةَ كَامِلَةً وَإِنْ جُدِعَتْ تُنْدُوهُ فَنِيصَفُ الْعَقْلُ خَمْسُونَ مِنَ الْإِبِلِ أَوْ عَدْلُهَا مِنَ الذَّهَبِ أَوْ الْوَرِقِ أَوْ مِائَةٌ بَقَرَةٍ أَوْ أَلْفُ شَاةٍ وَفِي الْيَدِ إِذَا قُطِعَتْ نِيصَفُ الْعَقْلِ وَفِي الرَّجْلِ نِيصَفُ الْعَقْلِ وَفِي الْمَأْمُومَةِ ثَلَاثُ الْعَقْلِ ثَلَاثٌ وَتَلَاثُونَ مِنَ الْإِبِلِ وَثَلَاثٌ أَوْ قِيمَتُهَا مِنَ الذَّهَبِ أَوْ الْوَرِقِ أَوْ الْبَقَرِ أَوْ الشَّاءِ وَالْجَائِفَةُ مِثْلُ ذَلِكَ وَفِي الْأَصَابِعِ فِي كُلِّ أُصْبُعٍ عَشْرٌ مِنَ الْإِبِلِ وَفِي الْأَسْتَانِ فِي كُلِّ سِنَّ خَمْسٌ مِنَ الْإِبِلِ"<sup>1</sup>

Hadith di atas dinilai hasan oleh Al-Albani di mana Rasulullah telah menjelaskan jenis-jenis kecederaan dan nilai *diyât* bagi setiap jenis kecederaan tersebut iaitu:

- 1) *Diyat anggota badan*: ia meliputi dua aspek iaitu anggota tunggal dan anggota berpasangan. Anggota tunggal yang terdapat pada badan manusia ialah hidung, lidah, zakar atau kemaluan, tulang sulbi dan lain lagi. Setiap satunya wajib dikenakan satu diyat menyamai 100 ekor unta. Kadar *diyât* anggota berpasangan pula merujuk kepada tangan, mata, telinga, buah dada, rahang dan lain-lain anggota yang berpasangan dan diyatnya adalah kadar sempurna iaitu 100 ekor unta. Kadar diyat menjadi setengah (1/2) sekiranya sebelah anggota sahaja yang dcederakan. Manakala kadar *diyât* bagi anggota yang bersepuluh seperti jari kaki dan tangan dikira 1/10 bagi setiap satu dari anggota tersebut<sup>2</sup>.
- 2) *Diyat luka*: hukuman ini dinamakan sebagai *arsy*. Sekiranya kadar luka tidak mencapai tahap *arsy*, maka boleh dikenakan *hukumah* terhadap pesalah iaitu hakim mempunyai kebebasan untuk menentukan kadar *diyât*. Luka yang dikenakan *arsy* terbahagi kepada beberapa bahagian iaitu:
  - a. *Al-Mudhahah* arsynya berjumlah 5 ekor unta.
  - b. *Al-Hasyimah*, arsynya berjumlah 10 ekor unta.

<sup>1</sup> Sunan Abi Dawud, Kitab al-Diyat: Hadith No. 71, di <https://sunnah.com>.

<sup>2</sup> Hilmi Musa *op. cit.* h. 21.

- c. *Al-Munaqqilah*, arsynya berjumlah 15 ekor unta.
- d. *Al-'Ammah*, arsynya berjumlah 1/3 diyat sempurna.
- e. *Al-Damighah*, arsynya berjumlah 1/3 kerana ulama menyamakan lukanya seperti *al-'ammah* kerana mengancam nyawa dan membawa kepada kematian.
- f. *Ja'ifah*, arsynya berjumlah 1/3 diyat sempurna<sup>1</sup>.

Timbul persoalan samada *diyat* boleh dibayar menggunakan wang. Mengikut majoriti para fuqaha, termasuk para fuqaha mazhab Shafii, ia mesti dalam bentuk unta<sup>2</sup>. Terdapatnya juga pandangan tentang keharusan pembayaran *diyat* menggunakan medium emas atau perak. Pandangan ini dipelopori oleh kalangan mazhab Imam Abu Hanifah dan Imam Malik<sup>3</sup>. Pendapat yang lain pula mewajibkan pembayaran *diyat* menggunakan salah satu daripada keenam-enam medium iaitu emas, perak, unta, lembu, kambing dan pakaian. Pendapat ini dipelopori oleh Imam Abu Yusuf dan Muhammad<sup>4</sup>.

#### **Rumusan dan Cadangan Untuk Penambahbaikan**

Merujuk kepada peruntukan undang-undang yang sedia ada dapat disimpulkan bahawa:

1. *Diyat* untuk mangsa atau waris mangsa kemalangan jalan raya masih belum dijadikan suatu bentuk hukuman dalam undang-undang jenayah di Malaysia. Maka, pihak yang teraniaya perlu membuat tuntutan melalui saman sivil. Jumlahnya pula bergantung kepada apa yang dituntut oleh plaintif dan jumlah yang akan ditetapkan oleh mahkamah. Ini tentunya akan lebih membebankan pihak mangsa kerana terpaksa membayar kos guaman, dan banyak masa yang akan terbuang. Buat masa ini, hanya denda antara lapan hingga sepuluh ribu ringgit yang akan dikenakan kepada pesalah dan harus diingat bahawa denda tersebut dibayar kepada mahkamah dan bukannya kepada mangsa. Justeru, adalah dicadangkan supaya hukuman berasaskan *diyat* diwujudkan dalam undang-undang yang berkaitan khususnya Akta Pengangkutan Jalan 1987 dengan meminda seksyen 44 akta berkenaan supaya pampasan yang bertepatan dengan *diyat* dapat diberikan kepada mangsa.

<sup>1</sup> *Ibid.*

<sup>2</sup> Paizah Ismail (2012), *Pelaksanaan Diyat dalam Kerangka Perundangan di Malaysia: Cabaran Fiqh Semasa*, Jurnal Fiqh, No. 9, h. 13, di <https://ejournal.um.edu.my/>.

<sup>3</sup> Siti Aisyah Samudin, Siti Zubaidah Ismail, *op.cit.*, h.93.

<sup>4</sup> *Ibid.*, h.94.

2. Para hakim dan peguam perlu diberikan ilmu yang secukupnya tentang konsep *diyat* dan hikmah sebaliknya supaya apabila hukuman *diyat* berkuatkuasa, mereka tidak terpinga-pinga dalam menjatuhkan hukuman tersebut sekaligus dapat menangkis hujah golongan tertentu yang begitu lantang mengkritik undang-undang Islam.
3. Undang-undang yang berkaitan dengan penjualan dan pengambilan minuman beralkohol perlu diperketatkan selari dengan kehendak agama berasaskan kepada *Maqasid al-Syariah*. Mudah-mudahan dengan penguatkuasaan undang-undang yang lebih ketat, ia dapat membendung isu pemandu mabuk yang begitu merimaskan masyarakat ketika ini.

### **Kesimpulan**

Berdasarkan perbincangan dalam artikel ini, jelas menunjukkan bahawa tiada ruang untuk pemandu mabuk yang mabuk dengan sengaja untuk lari daripada tanggungjawab dari sudut undang-undang Islam mahupun undang-undang negara. Mereka perlu dihukum dengan hukuman yang setimpal supaya ia menjadi pengajaran kepada seluruh rakyat Malaysia ataupun mana-mana individu yang memandu di negara ini dan mereka perlu menyedari bahawa negara ini mempunyai 'tuan tanahnya' dan semua pihak mesti memperakui sekaligus menghormati perkara tersebut. Namun beberapa penambahbaikan perlu dilakukan terhadap undang-undang yang berkaitan supaya sebuah negara yang bernama Malaysia ini dapat menegakkan undang-undang Islam yang menjadi dambaan oleh mereka yang cintakan Allah dan Rasulnya.

## RUJUKAN

### Buku/Kitab

[Abu Malik Kamal As-Sayyid Salim \(2007\) \*Shahih Fiqh As-Sunnah Wa Adillatuhu wa Taudhah Mazahib Al-Aimmah\*, \(ter.\), Jakarta, Pustaka Azzam.](#)

[Mustofa al-Khin, Mustofa al-Bugho, Ali Asy -Syarbaji \(2014\), \*Kitab Fikah Mazhab Syafie\* \(ter.\), Jilid 8, Kuala Lumpur, Pustaka Salam.](#)

Wahbah al-Zuhayli, *Al-Fiqh al-Islami Wa Adillatuh*, Juzuk 1, di <https://al-maktaba.org>.

Abd al-Qadir 'Audah, *Al-Tashri' al-Jina'i al-Islami*, Juzuk 2, di <https://al-maktaba.org/>.

Jamal al-Din Abu Muhammad Abd Allah bin Yusuf al-Zaila'i, *Nasb al-Rayah*, Juzuk 4, h. 356, di <https://waqfeya.com>, <https://ia801200.us.archive.org>.

Mohamad Shariff bin Hj. Abu Samah, Asidah binti Hj. Mohd Ali (2011), *Alman Undang-Undang Jenayah di Malaysia*, Petaling Jaya, International Law Book Services.

### Artikel Akademik

Muhammad Hilmi Musa (2015), *Penggunaan Emas dan Perak dalam Menentukan Nilai Pampasan Diyat: Suatu Analisis ke Atas Nilai-nilai Pertukaran Mata Wang Semasa*, 19 JUUM.

Siti Aisyah Samudin, Siti Zubaidah Ismail (2018), *Tuntutan Pampasan Bagi Kes Kemalangan Jalan Raya di Malaysia: Kaedah Alternatif Berasaskan Diyat*, *Journal of Shariah Law Research*, vol. 3 (1), di <https://umexpert.um.edu.my/>.

Nuarrual Hilal Md. Dahlan, Harlida Abdul Wahab (2019), *Konsep Liabiliti dan Pemberian Pampasan Ganti Rugi dalam Kes Kemalangan Jalan Raya Menurut Perundangan Islam*, di <https://www.researchgate.net/>.

Paizah Ismail (2012), *Pelaksanaan Diyat dalam Kerangka Perundangan di Malaysia: Cabaran Fiqh Semasa*, *Jurnal Fiqh*, No. 9, di <https://ejournal.um.edu.my/>.

### Statut

Perlembagaan Persekutuan.

Akta Pengangkutan Jalan 1987

### Laman Sesawang

<https://quran.com/>.

[Http://sunnah.com](http://sunnah.com).

<http://www.mahsyariahmelaka.gov.my/>

<http://www.mot.gov.my/>.

<https://www.bharian.com.my/>

<https://www.mstar.com.my>